Kajian Faktor Yang Mempengaruhi Pemilihan TVET Sebagai Laluan Kerjaya Dalam Kalangan Pelajar Kolej Komuniti Pasir Gudang

Norazian Binti Jaafar[1], Siti Mahani Binti Shaik Ismail[2],Faizatussaidah Binti Mean[3]

[1,2,3]Kolej Komuniti Pasir Gudang, 61 Jalan Kijang, 81700 Pasir Gudang, Johor

[1]norazian@kkpg.edu.my, [2]mahani@kkpg.edu.my,[3]faizatussai'dah@kkpg.edu.my

Abstrak

Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) merupakan satu laluan pendidikan yang menekankan kemahiran praktikal dan berperanan penting dalam memenuhi keperluan tenaga kerja industri di Malaysia. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan TVET sebagai laluan kerjaya dalam kalangan pelajar Kolej Komuniti Pasir Gudang iaitu dengan memberi tumpuan kepada aspek minat pelajar, persepsi terhadap kebolehpasaran graduan, serta sokongan keluarga dan rakan sebaya. Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif berbentuk tinjauan deskriptif dengan penglibatan seramai 145 orang pelajar sebagai responden di mana data dikumpul melalui soal selidik berstruktur skala Likert dan dianalisis menggunakan perisian SPSS bagi mendapatkan nilai min dan peratusan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa ketiga-tiga faktor yang dikaji berada pada tahap tinggi, iaitu minat pelajar (skor min = 3.68), persepsi terhadap kebolehpasaran graduan (skor min = 3.69) dan sokongan keluarga serta rakan sebaya (skor min = 3.67). Hasil analisis ini menunjukkan bahawa pelajar mempunyai kecenderungan positif terhadap TVET sebagai laluan pendidikan dan kerjaya. Secara keseluruhannya, kajian ini menunjukkan bahawa minat pelajar, persepsi terhadap kebolehpasaran graduan TVET, serta sokongan sosial mempengaruhi pemilihan TVET sebagai laluan kerjaya, di samping membuktikan bahawa TVET relevan dengan keperluan industri.

Kata kunci: TVET, pemilihan kerjaya, minat pelajar, kebolehpasaran graduan, sokongan sosial.

Abstract

Technical and Vocational Education and Training (TVET) is an educational pathway that emphasizes practical skills and plays an important role in meeting the needs of the industry workforce in Malaysia. This study aims to identify factors that influence the selection of TVET as a career path among students of Pasir Gudang Community College, namely by focusing on aspects of student interest, perceptions of graduate marketability, and family and peer support. This study uses a quantitative design in the form of a descriptive survey with the involvement of 145 students as respondents where data was collected through a structured Likert scale questionnaire and analyzed using SPSS software to obtain mean values and percentages. The findings of the study showed that all three factors studied were at a high level, namely student interest (mean score = 3.68), perception of graduate marketability (mean score = 3.69) and family and peer support (mean score = 3.67). The results of this analysis showed that students had a positive tendency towards TVET as an educational and career path. Overall, this study showed that student interest, perception of TVET graduate marketability, and social support influenced the selection of TVET as a career path, in addition to proving that TVET is relevant to industry needs.

Keywords: *TVET, career choice, student interest, graduate employability, social support.*